

Kota Bharu

**M**isteri kematian 15 ayam, kampung di Kampung Pulau Tebu, Batu 5, Tunjong, di sini, terjawab apabila disahkan positif wabak selesema burung (H5N1).

Pengerusi Jawatankuasa Pertanian, Industri Asas Tani, Bioteknologi dan Teknologi Hijau negeri Datuk Che Abdullah Mat Nawi berkata, tiga kes dilaporkan berhubung H5N1 di kampung itu.

Beliau berkata, Jabatan Perkhidmatan Veterinar (JPV) negeri mengambil beberapa langkah mengawal wabak itu daripada terus merebak.

"Kerajaan negeri juga mengambil langkah menubuhkan Jawatankuasa Bertindak Kawan Penyakit Haiwan negeri Kelantan bagi mengendalikan kes wabak H5N1 itu bermula hari ini semalam."

"Jawatankuasa itu diperahkan kepada beberapa ahli bagi mengendalikan perkara berhubung kes itu

# Sah selesema burung

Harian Metro 10/3/2017

## ■ JPV Kelantan ambil langkah kawal wabak



► CHE Abdullah berbincang dengan Nurul Huda, semalam

termasuk dari segi kawalan, pampasan dan pelupusan.

"Rakyat tidak perlu panik kerana semua pihak yang berkaitan sudah mengambil langkah pengawalan dan mereka diminta memberikan kerjasama dalam kerja

pengawalan dan pemeriksaan yang turut membabitkan pelbagai pihak termasuk polis, pihak berkuasa tempatan (PBT) dan pemimpin masyarakat," katanya selepas mengadakan pertemuan dengan Pegawai

Veterinari negeri, Nurul Huda Zairi di sini, semalam.

Harian Metro pada 7 Mac lalu melaporkan, JPV Kelantan meminta orang ramai tidak panik berhubung dak-

**FAKTA**  
170 unggas, 100 telur dilupuskan di Kampung Pulau Tebu

waan berlaku penyebaran wabak selesema burung.

Pengaruhnya Dr Surata Kamarudin dipetik berkata sampel organ ayam dihantarkan ke Institut Penyelidikan Veterinar di Ipoh, Perak untuk pengesahan sebenar penyakit ayam menjangkiti ayam terbabit.

Sementara itu, Nurul Huda berkata, 170 unggas dan 100 telur dilupuskan Jabatan Veterinar di kampung berkenaan sebagai langkah membasmi penularan H5N1 itu.

"Kami masih menjalankan kajian bagi mengenal pasti punca penularan wabak berkenaan dengan mengambil sampel unggas sekitar satu kilometer di kampung terbabit.

"Setakat ini jangkutan wabak itu dikesan pada ayam kampung dan tidak membabitkan ayam komersial," katanya.